



DEPARTMENT OF GENERAL STUDIES

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) :

Course Code & Name : **MPU3212 Bahasa Kebangsaan A**
 Semester & Year : September - December 2020
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.**
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)**
- Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
- This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
- Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**BAHAGIAN A
ARAHAN**

: SOALAN OBJEKTIF (30 MARKAH)

: Jawab semua soalan di bawah ini. Pilih jawapan yang paling tepat dan tandakan di atas kertas OMR yang disediakan.

BAHAGIAN A TAMAT

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

CARA REMAJA MENJALANI GAYA HIDUP SIHAT

Kesihatan amatlah penting untuk generasi muda terutamanya remaja. Namun begitu, masalah kesihatan seperti obesiti dan diabetes dalam kalangan remaja hari ini **bukan jenaka** tetapi merupakan realiti kehidupan.

Kesihatan merupakan aset terpenting seseorang remaja. Seorang remaja yang sihat bukan sekadar bebas daripada penyakit tetapi sihat dari aspek fizikal, mental, emosi dan spiritualnya. Kunci penting dalam kesihatan adalah dengan mengetahui, melakukannya dan menyeimbangkan. Kaedah yang paling mudah bagi remaja untuk menjalani gaya hidup sihat adalah dengan mencari info tentang kesihatan dengan melayari laman sesawang, membaca buku dan bertanya dengan pakar kesihatan. Antara laman sesawang yang boleh dirujuk oleh remaja adalah melalui laman info sihat yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Remaja juga boleh bertanya sendiri hal kesihatan dengan pakar dalam bidang ini. Tindakan bertanya amat digalakkan sebelum remaja mencuba sendiri menjalani kehidupan sihat. Kes-kes menakutkan tentang remaja cuba berdiet dengan tidak seimbang kerana kluatir dengan masalah obesiti sering kali berlaku kerana tiadanya bimbingan serta rujukan daripada pakar kesihatan.

Kunci seterusnya untuk hidup secara sihat adalah dengan mengambil makanan yang berkhasiat. Remaja memerlukan lebih kandungan protein, karbohidrat, vitamin dan lemak dalam badan. Seterusnya, remaja perlu menekankan aspek penjagaan kebersihan diri. Hal ini bukan sahaja penting bagi memastikan badan remaja tidak berbau dan disenangi oleh orang lain, malahan bagi memastikan remaja tidak terdedah dengan sebarang punca penyakit, seperti bakteria bahaya, kutu dan kulat. Remaja perlu melakukan aktiviti bersenam untuk menjaga kesihatan. Jika minat menari, boleh juga menggunakan tarian sebagai salah satu senaman. Selain dapat mengisi masa lapang serta hidup dengan lebih sihat, remaja berpeluang mengasah bakat seni dalam diri remaja. Semuanya bermula dengan langkah pertama untuk mencuba.

Aktiviti sihat tidak hanya berfokus kepada senaman untuk fizikal semata-mata. Otak juga perlu menjalani kehidupan yang sihat. Remaja perlu menghindarkan diri daripada sebarang aktiviti negatif, seperti menagih dadah dan merokok. Hal ini akan dapat membantu remaja menjadi lebih cerdas. Aktiviti lain yang perlu dilakukan oleh remaja untuk hidup lebih sihat ialah masa rehat yang cukup. Waktu rehat yang secukupnya dapat membantu remaja merehatkan badan selepas seharian melakukan pelbagai aktiviti. Dalam menjalani kehidupan yang sihat, keseimbangan dalam hidup adalah sangat penting. Pengambilan makanan seimbang mengikut piramid makanan merupakan satu cara yang perlu diikuti oleh remaja bagi memastikan remaja terhindar daripada sebarang penyakit.

Pendek kata, cara hidup sihat bukan sahaja dapat membantu remaja berfikir dengan lebih matang, tetapi dapat memberikan keyakinan diri dan daya kreativiti akan semakin bertambah.

(*Dipetik dan diubahsuai* daripada “Remaja Prihatin Remaja Sihat,” Dewan Siswa, September, 2011)

1. Apakah maksud rangkai kata **bukan jenaka**?

(2 markah)

2. Berdasarkan petikan, berikan **EMPAT (4)** cara remaja menjalani gaya hidup sihat. **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, mengapakah remaja pada hari ini gemar mengambil makanan segera? Berikan **DUA (2)** sebab. **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan syair di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Syair Menyambut Pelajaran

Anakku sayang salahmu nyata
dalam pelajaran bertutur kata
duduk menulis kalam dilata
kembali ke padang sekalian pendeta.

Kerana pelajaran beratur pangkatnya
jangan dicampur yang bukan masanya
kerja demikian besar salahnya
faham tak lekat dalam keduanya.

Pendengaran pasti menjadi harus
yang ditulis pun tentu keliru
laksana menumbuk beralas nyiru
berasnya luluh antah berderu

Ilmu lisan tatkala disyarahkan
sekalian anggota wajib satukan
ke hati semuanya kamu kumpulkan
barulah pendengaran dapat difahamkan.

Semasa mendengar orang berkata
tangan menulis pula serta
telinga diasingkan daripada mata
mustahillah fahamnya nyata.

1. Berikan **DUA (2)** persoalan yang terdapat dalam 'Syair Menyambut Pelajaran'. **(2 markah)**
2. Jelaskan **DUA (2)** pengajaran yang terdapat dalam 'Syair Menyambut Pelajaran'. **(2 markah)**
3. Senaraikan **TIGA (3)** gaya bahasa berserta contoh yang terdapat dalam pantun budi. **(6 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

*Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.*

- a) Isi tempat kosong dengan menggunakan kata pemerai yang betul.
- i. Pemimpin negara kita pernah menyatakan bahawa sifat sebuah masyarakat maju _____ kebolehan memahami dan mengawal teknologi.
 - ii. Salah satu masalah yang sedang dihadapi oleh negara kita _____ kekurangan tenaga kerja terlatih.
 - iii. Warna pinang masak _____ warna rasmi bas sekolah seluruh negara.
 - iv. Bangunan di hadapan sekolah itu _____ pusat belia kampung kami.
 - v. Matlamat NURY _____ membina masyarakat cemerlang.
 - vi. Matlamat utama unit ini _____ untuk membantu pihak pengurusan melaksanakan tanggungjawabnya secara berkesan.
 - vii. Satu usaha yang dijalankan _____ dengan menerbitkan risalah penerangan untuk tatapan masyarakat.
 - viii. Tarikh tutup permohonan itu _____ pada akhir bulan Oktober ini.
 - ix. Jawapannya _____ tepat.
 - x. Suruhanjaya Pilihan Raya _____ satu badan yang bertanggungjawab mengendalikan pilihan raya selepas Parlimen dibubarkan.

(10 markah)

b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

i. Aturcara kejohanan olahraga tahunan yang lengkap dimuat dalam buku program.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

ii. Persatuan belia yang baru ditubuhkan itu mengenengahkan moto yang berteraskan perpaduan belia semalaysia.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

iii. Ketrampilan berbahasa dalam kalangan penutur jati bahasa Melayu mestilah diperkukuhkan dari semasa ke semasa.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

iv. Syarikat pemaju perumahan akan membayar gantirugi kepada pembeli yang rumahnya gagal menyiapkan mengikut jadual.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

v. Guru bimbingan itu telah memberikan keterangan yang jelas tentang profesyen sebagai pakar bedah.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

1. Ilmu merupakan asas pembentukan sesuatu masyarakat. Generasi muda yang berilmu akan menerajui negara pada masa depan. Bincangkan kepentingan ilmu kepada generasi muda di Malaysia.
2. Kemajuan sektor perkilangan telah menyebabkan pencemaran alam sekitar. Bincangkan pendapat anda.
3. Sumber air yang mencukupi penting untuk meneruskan kelangsungan hidup. Bincangkan kepentingan sumber air kepada hidupan di muka bumi.

(30 markah)

SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT